



## POLISI MELAWAT PESAKIT DI WAD BUKAN COVID HOSPITAL SERDANG

SEJAJAR DENGAN POLISI MELAWAT PESAKIT DI HOSPITAL BERDASARKAN NORMA BAHARU YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR, HOSPITAL SERDANG KINI MEMBENARKAN KEMASUKAN PELAWAT KE WAD BUKAN COVID HOSPITAL SERDANG MULAI 1 NOVEMBER 2021, **TERTAKLUK PEMATUHAN KEPADA SEMUA SYARAT-SYARAT BERIKUT:**

- 1) KEUTAMAAN MELAWAT DIBERIKAN KEPADA KES KECEMASAN DAN PESAKIT KRITIKAL;
- 2) PELAWAT TELAH **LENGGAP VAKSINASI COVID-19** SEPERTIMANA YANG DIARAHKAN OLEH KERAJAAN;
- 3) PELAWAT TELAH MENGIMBAS DAN MELENGKAPKAN:
  - SARINGAN STATUS KESIHATAN DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA; DAN
  - SARINGAN STATUS KESIHATAN HOSPITAL SERDANG.
- 4) PELAWAT MEMAKAI PELITUP MUKA YANG MELINDUNGI HIDUNG DAN MULUT PADA SETIAP MASA DAN HENDAKLAH MENCUCI TANGAN DENGAN **SANITIZER** SEBELUM NAIK KE WAD;
- 5) PELAWAT TIADA GEJALA DEMAM, BATUK, SELSEMA, SAKIT TEKAK DAN LAIN-LAIN MASALAH PERNAFASAN;
- 6) WAKTU MELAWAT  
**TENGAHARI** : **12.30 TENGAHARI HINGGA 2.00 PETANG**  
**PETANG** : **4.30 PETANG HINGGA 7.00 MALAM**
- 7) PELAWAT HANYA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN LIF TENGAH (*CENTRE*) UNTUK NAIK KE WAD DAN DILARANG MERAYAU-RAYAU KE TEMPAT LAIN;
- 8) HANYA **SEORANG PELAWAT** DIBENARKAN MELAWAT SEORANG PESAKIT DI WAD DALAM SATU-SATU MASA;
- 9) PELAWAT **WAJIB MEMAKAI PAS PELAWAT HOSPITAL** SETIAP MASA KETIKA BERADA DI WAD;
- 10) PELAWAT MENGAMALKAN PENJARAKAN FIZIKAL SEKURANG-KURANGNYA 1 METER PADA SETIAP MASA;
- 11) PELAWAT TIADA KONTAK RAPAT DENGAN MANA-MANA PESAKIT COVID-19 SEBELUM DAN SEMASA MELAWAT PESAKIT;
- 12) TEMPOH MELAWAT DALAM WAD ADALAH **TIDAK MELEBIHI 30 MINIT SAHAJA**;



## **POLISI MELAWAT PESAKIT DI WAD BUKAN COVID HOSPITAL SERDANG**

- 13) PELAWAT TIDAK DIBENARKAN BERADA DI SAMPING PESAKIT SEMASA PROSEDUR PERAWATAN DIJALANKAN;
- 14) **PELAWAT TIDAK DIBENARKAN MERAKAM SUARA, MENGAMBIL GAMBAR ATAU VIDEO** ANGGOTA BERTUGAS, PESAKIT LAIN DAN SUASANA DI DALAM WAD (melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada PENGARAH HOSPITAL SERDANG);
- 15) TIADA PELAWAT DIBENARKAN BAGI WAD KES SARI DAN COVID –19;
- 16) DILARANG MENUNGGU / DUDUK / BERSIDAI DI SEKITAR KAWASAN LUAR WAD;
- 17) PIHAK HOSPITAL BERHAK MENGHALANG PELAWAT DARI MEMASUKI BANGUNAN HOSPITAL / WAD ATAU MENGARAHKAN PELAWAT KELUAR DARI BANGUNAN HOSPITAL / WAD SEKIRANYA POLISI MELAWAT INI TIDAK DIPATUHI;
- 18) PIHAK HOSPITAL TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG KEHILANGAN HARTA BENDA, KECEDERAAN DAN APA-APA JANGKITAN PENYAKIT YANG DIPEROLEHI SEMASA MELAWAT; DAN
- 19) KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 12 TAHUN (MENGIKUT TARIKH LAHIR DI DALAM KAD PENGENALAN) **TIDAK DIBENARKAN MELAWAT SAMA SEKALI.**

POLISI MELAWAT PESAKIT DI WAD BUKAN COVID HOSPITAL SERDANG ADALAH TERTAKLUK KEPADA SEMAKAN SECARA BERKALA UNTUK PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN. KERJASAMA DAN KOMITMEN DARI SEMUA PIHAK AMAT DIHARAPKAN DEMI MEMUTUSKAN RANGKAIAN JANGKITAN WABAK COVID-19.

  
( DR MD. FIKRI BIN ABU BAKAR )  
PENGARAH  
HOSPITAL SERDANG  
TARIKH: 1 NOVEMBER 2021